

14/10/1999

BN Sabah senarai calon

KOTA KINABALU, Rabu - Barisan Nasional (BN) Sabah sudah menyenaraikan lebih 20 nama termasuk beberapa muka baru untuk dipertimbangkan sebagai calon pada pilihan raya Parlimen akan datang.

Mengesahkannya di sini selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Kabinet hari ini, Ketua Menteri, Datuk Osu Sukam, selaku Pengerusi BN Sabah, berkata senarai berkenaan sudah diserahkan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, selain penyandang sekarang, beberapa muka baru turut disenaraikan dan keputusan muktamad terpulang kepada pucuk pimpinan BN Pusat menentukannya.

"Bagi satu kawasan Parlimen, ada dua hingga tiga nama disenaraikan. Bagaimanapun, keputusan siapa calon bertanding, tertakluk kepada pucuk pimpinan BN Pusat," katanya.

(END)